

Untuk Siaran Segera

Panasonic Membangunkan Plasma Efisien Tinggi Berprofil Nipis dan Paparan LCD HDTV

Revolusi Teknologi Plasma Meningkatkan Kecekapan Tenaga, Profil 8.8mm Super-Nipis

Petaling Jaya, 26 Mac 2009 - Panasonic, peneraju industri dan teknologi dalam HDTV telah membangunkan paparan profil nipis teknologi panel yang baru untuk kedua-dua Plasma (PDP) dan LCD HDTV, sekaligus mencapai kemajuan untuk meningkatkan kualiti gambar dan prestasi persekitaran. Prototaip ini telah dipamerkan di *International Consumer Electronics Show (CES) 2009* pada awal tahun ini.

Teknologi NeoPDP yang baru dibangunkan ini telah digabungkan dalam dua jenis PDP. Pertama adalah *Super High-Efficient* PDP 42 inci yang telah mencapai kecekapan tiga luminasi disamping mengurangkan penggunaan kuasa untuk 1/3 model^{*1} tahun 2007 dan mencapai kecerahan yang sama. Seterusnya, adalah profil PDP 50 inci ultra-nipis 8.8mm (kira-kira 1/3 inci)^{*2}. Panel ultra-nipis ini mempamerkan resolusi filem gambar tertinggi^{*3} di dunia sebanyak 1080 baris.

Kemajuan teknologi baru NeoLCD dari Panasonic telah diintegrasikan dalam kecekapan kuasa tenaga 90kWh setiap tahun untuk panel LCD 37 inci, yang mencapai resolusi gambar bergerak^{*3} sebanyak 1000 baris, hampir sama dengan PDP. Ia menggunakan kadar tenaga yang rendah berbanding model LCD HDTV yang lain di dunia. Penggunaan tenaga dua kali lebih rendah berbanding model-model sebelum ini.

Dengan peningkatan perkhidmatan penyiaran digital sedunia, pasaran televisyen panel rata telah berkembang secara berterusan dan permintaan televisyen global akan melebihi separuh dalam tahun fiscal 2008 hingga Mac 2009. Pasaran televisyen dijangka akan terus berkembang dengan peningkatan penyiaran digital, peningkatan popularity televisyen panel rata, keperluan penggantian televisyen dan permintaan yang semakin meningkat untuk perniagaan, pendidikan dan penggunaan medikal

Reka bentuk televisyen perlu direka dengan tema mesra alam memandangkan kesedaran yang semakin meningkat di kalangan rakyat untuk memelihara persekitaran.

Kemajuan teknologi baru yang dibangunkan oleh Panasonic telah mencapai peringkat tertinggi di dunia dari segi mutu gambar serta prestasi persekitaran yang luar biasa melalui pemuliharaan tenaga dan reka bentuk panel nipis dalam kedua-dua PDP dan LCD. Panasonic telah menamakan kemajua teknologi ini sebagai “NeoPDP^{eco}” dan “NeoLCD^{eco}” . Dengan mengambil peluang dari model perniagaan yang bersepadu secara terus menerus untuk PDP dan LCD, Panasonic akan terus memajukan perkembangan teknologi mengikut ciri-ciri setiap bahan dalam memastikan revolusi yang berterusan untuk televisyen VIERA panel rata dan member respon kepada permintaan pengguna seluruh dunia.

Mengenai NeoPDP

Plasma merupakan alat peranti pencerahan sendiri- berkemampuan menyesuaikan tahap luminasi mengikut kecerahan pada sesuatu tempat- ia juga dapat meningkatkan kualiti gambar dan prestasi persekitaran. Televisyen PDP mempamerkan kontras dinamik, resolusi tinggi gambar bergerak reproduksi warna sebenar atau *true-to-life*, sudut penglihatan yang lebar dan kecekapan tenaga. Pada tahun 2006, Panasonic telah memimpin dunia dengan menghapuskan penggunaan plumbum dari panel PDP.

Dengan satu pernyataan yang kukuh dari segi teknologi asas, Panasonic telah menghasil dan mendedahkan revolusi panel NeoPDP pada di *International CES*, tahun 2008 termasuk panel dengan dua kali ganda kecekapan tenaga^{*5} PDP *super-thin-full-flat* 24.7 mm(kurang dari satu inci) dan PDP ultra-besar 150 inci.

Panasonic terus memperbaiki teknologinya yang asas. Menggunakan bahan baru seperti penggunaan gas dan phosphor sebagai sumber generasi elektron telah meningkatkan pelepasan dan struktur sel. Pengenalan kaedah pacuan litar yang baru telah menjimatkan penggunaan bekalan elektrik sebanyak satu pertiga dan membenarkan pacuan voltan yang rendah

Kecekapan teknologi luminasi sebanyak tiga kali ganda telah mengurangkan bilangan komponen dan membolehkan komponen-komponen yang lebih tinggi berintergrasi. Hasilnya, teknologi tersebut telah digabungkan ke *Full HD PDP* 42 inci.

Peningkatan dan pembaharuan yang telah dilakukan terhadap pembentangan struktur panel dan litar telah menjadikan televisyen lebih nipis. Full HD PDP mempunyai resolusi gambar bergerak lebih dari 900 baris, tetapi dengan bahan dan teknologi terbaru telah mengurangkan *afterglow* dan mencapai resolusi bergerak paling tinggi di dunia sebanyak 1080 baris sekaligus menetapkan program HD penuh dalam apa jenis kelajuan tanpa kehilangan perincian. PDP HD 50 inci terbaru Panasonic ini mempunyai kedalaman 8.8mm (kira-kira 1/3 inci) dengan kualiti gambar yang tinggi dan reka bentuk panel yang nipis.

Panel nipis ini juga membekalkan pengguna dengan lebih banyak fleksibiliti iaitu pemasangan pada dinding dan penggantungan pada siling. Melalui pangkalan sistem *WirelessHD*, penyediaan fleksibiliti dapat dinikmati pada tahap maksima. Dengan sudut penglihatan yang lebih lebar, nisbah kontras yang lebih tinggi dan resolusi bergerak sebanyak 1080 baris,tontonan gambar PDP lebih menarik berbanding model yang lain.

Mengenai NeoLCD

Panel LCD IPS alpha menyediakan satu kadar transmisi cahaya yang tinggi dan penggunaan kuasa yang rendah melalui struktur panelnya. Panel ini juga mempunyai ciri-ciri seperti resolusi gambar bergerak yang tinggi dan sudut tontonan yang luas bagi mendapatkan imej-imej yang semulajadi walaupun ditonton dari pelbagai sudut.

Pengambilan panel IPS alpha dengan kadar transmisi cahaya^{*6} yang lebih baik dan lampu belakang LED telah didorong oleh satu teknologi yang unik dan membolehkan kawalan pencahayaan mengikut kecerahan latar gambar.

Dengan kawalan yang tepat, panel tersebut dapat meningkatkan kontras dengan ekspresi warna hitam. Dalam pada itu, panel ini dapat menjimatkan penggunaan tenaga sebanyak dua kali ganda berbanding model-model pada tahun 2008^{*7} dan hanya menggunakan 90kWh setiap tahun, yang merupakan penggunaan tenaga paling rendah di dunia.

Teknologi unik perisian pantas untuk lampu latar belakang LED yang dibangunkan Panasonic, membolehkan pengawalan teliti dengan resolusi sebanyak 1000 baris yang jauh lebih canggih dari model-model terkini. Hasilnya, panel ini berupaya menukar gambar yang bergerak laju kepada imej yang terang dan nisbah kontras yang tinggi seperti panel PDP

Mengenai Televisyen Panasonic

Panasonic memulakan bidang R&D televisyen pada tahun 1935, ia bermula dengan melancarkan televisyen hitam putih 17 inci pada November tahun 1952, televisyen itu merupakan saiz yang terbesar pada ketika itu. Panasonic telah berjaya mencapai set televisyen yang ke 300 juta pada Oktober 2008, genap 56 tahun setelah menceburi dalam bidang ini sejak tahun 1952 dan ini membuktikan pencapaian tertinggi Panasonic sebagai pengeluar televisyen pertama didunia.

*1: dibandingkan dengan TH-42PZ750SK Panasonic.

*2: merujuk kepada profil yang paling ringkas

*3: resolusi gambar bergerak menunjukkan paparan prestasi oleh jumlah garis melalui mata manusia. (diukur melalui (Advanced PDP Development Center Corporation Method)

*4: sehingga Januari 8, 2009, perbandingan dengan 37 inci televisyen LCD kelas berdefinisi tinggi.

*5: dibandingkan dengan TH-42PZ750SK Panasonic.

*6: 1.1 kali kadar lebih baik dibandingkan dengan LCD IPS ALFA konvensional panel, 1.8 kali dibandingkan LCD kaedah-kaedah lain.

*7: dibandingkan dengan TH-37LZ85 Panasonic.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media:

Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

###